



جابتن حال إحوال اِكْنام إسلام قولوا قِينْخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
**KERINGAT DI DUNIA,
GANJARAN DI SYURGA**



Tarikh Bacaan:
1 MEI 2026M / 13 ZULKAEDAH 1447H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Keringat Di Dunia, Ganjaran Di Syurga

1 Mei 2026M/ 13 Zulkaedah 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: فَأَقِمَّ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾ سورة الروم
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْوَاحِدُ الْحَقُّ الْمُبِينُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَرْسَلَهُ هِدَايَةً وَرَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا عِبَادَ اللَّهِ وَأَطِيعُوهُ، وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ مُلَاقُوهُ، وَأَنَّ مَا عِنْدَ اللَّهِ
خَيْرٌ وَأَبْقَى.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dengan sebenar-benar takwa, iaitu dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Ketakwaan itulah sebaik-baik bekalan yang akan menyelamatkan kita di dunia dan di akhirat.

Ketika kita berhimpun di rumah Allah pada hari yang mulia ini, marilah kita memelihara adab dan kesempurnaan ibadah Jumaat. Hindarilah perbuatan yang boleh mengurangkan pahala Jumaat seperti bersebang, membuat bising, bermain *game* dan gajet serta tidur dengan sengaja. Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* sentiasa melihat perbuatan kita. Perbuatan

sedemikian bukan sahaja mencacatkan adab, bahkan menjejaskan nilai dan ganjaran ibadah Jumaat yang sedang kita tunaikan.

Bersempena Hari Pekerja ada hari ini, mimbar akan menyampaikan khutbah khas yang bertajuk: **Keringat Di Dunia, Ganjaran Di Syurga.**

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pekerjaan sering kali dilihat sebagai satu kewajipan untuk mencari rezeki dan menyara kehidupan. Hakikatnya, Islam memandang pekerjaan dengan makna yang jauh lebih luas dan mendalam. Bekerja bukan sekadar berusaha untuk memenuhi tuntutan duniawi, malah ia juga merupakan satu bentuk ibadah yang mampu mendekatkan diri kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* apabila dilaksanakan dengan niat yang ikhlas, penuh amanah serta berlandaskan syariat yang ditetapkan.

Sesungguhnya setiap titik peluh yang dicurahkan dengan penuh dedikasi dan rasa tanggungjawab tidak akan dipandang sia-sia di sisi Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Bahkan keringat yang menitis di dunia ini boleh menjadi sebab untuk meraih ganjaran dan kemuliaan di akhirat kelak.

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Menurut Islam, mencari rezeki bukan hanya sekadar memenuhi keperluan hidup, bahkan merupakan satu tanggungjawab dan amanah daripada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* kepada manusia. Melalui pekerjaan, akan terserlah nilai keimanan seseorang dalam mengurus amanah serta menentukan keberkatan dalam kehidupannya. Kesedaran ini hendaklah disemai dan diperkukuhkan dalam jiwa setiap muslim agar setiap tugas

yang dilaksanakan sentiasa berpaksi kepada keikhlasan, integriti dan rasa tanggungjawab kepada Allah. Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* berfirman dalam Surah al-Mulk ayat 15:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِن رِّزْقِهِ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ ﴿١٥﴾

Maksudnya: *“Dialah yang menjadikan bumi untuk memudahkan kamu menjelajah, maka jelajahilah segala penjurunya dan makanlah daripada rezeki-Nya. Dan (ingatlah) hanya kepada-Nya tempat kembali kamu sesudah dibangkitkan semula.*

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Sungguh mendukacitakan apabila masih terdapat dalam kalangan pekerja yang kurang menyedari hakikat ini sehingga memandang ringan soal amanah dalam pekerjaan. Ada yang sanggup menyalahgunakan jawatan demi kepentingan diri, melaksanakan tugas dengan sambil lewa, dan melanggar nilai integriti yang dituntut oleh Islam seperti terlibat dengan rasuah dan pelbagai bentuk penyelewengan. Islam mendidik umatnya agar membina budaya kerja yang cemerlang, berteraskan iman yang kukuh dan akhlak yang luhur.

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Dalam dunia pekerjaan, terdapat dua perkara besar yang sering diabaikan iaitu hak majikan dan hak pekerja. Majikan tidak sepatutnya terlalu rakus mengejar keuntungan sehingga sanggup menekan dan memerah tenaga pekerja dengan beban kerja yang melampau tanpa belas kasihan.

Ingatlah, setiap keuntungan yang diraih hasil titik peluh yang dizalimi tidak membawa keberkatan, malah menjadi dosa yang akan dipersoalkan kelak.

Begitu juga terdapat segelintir majikan yang tidak menyediakan ruang untuk solat dan memberi keizinan untuk menunaikan solat Jumaat bagi pekerja lelaki. Sedangkan perkara ini telah termaktub dalam garis panduan menunaikan solat dalam waktu bekerja oleh Kementerian Sumber Manusia. Pihak majikan wajib memastikan suasana kerja dalam keadaan aman dan kondusif. Kerja dalam suasana negatif akan melahirkan jiwa yang tertekan dan mengurangkan keberkatan hidup.

Bagi pekerja pula, muhasabah diri perlu dijadikan amalan. Jangan hanya hadir ke tempat kerja tetapi culas dalam tugas dan tanggungjawab diabaikan. Hadir sekadar memenuhi ruang, amanah dibiarkan terbuang. Gaji diterima penuh, usaha hanya separuh.

Begitu juga sebahagian pekerja yang diberi ruang untuk berehat dan menunaikan solat, hendaklah tidak menyalahgunakan peluang yang diberikan. Janganlah waktu yang berharga itu diisi dengan perkara sia-sia seperti bersembang kosong, bergosip, leka menghasilkan kandungan media sosial, atau makan dan minum secara berlebihan. Sebaliknya, manfaatkanlah ia untuk memperbaharui tenaga, mendekatkan diri kepada Allah dan kembali bekerja dengan amanah serta ihsan. Firman Allah dalam Surah Qaf ayat 18:

مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ ﴿١٨﴾

Maksudnya: *“Tidak ada suatu kata yang diucapkannya melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan mencatatnya)”*.

Ayat ini mengingatkan kita bahawa setiap tutur kata dan perbuatan, walaupun dalam waktu rehat sekalipun, tetap berada dalam perhatian dan catatan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Oleh itu, janganlah hanya menuding jari kepada majikan apabila berlaku kezaliman. Pekerja yang mengambil kesempatan turut merosakkan neraca keadilan. Akhirnya, pekerjaan menjadi kosong tiada roh, tiada arah dan tiada rasa diawasi oleh yang Maha Esa. Apabila Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* tidak diingati, khianat menjadi biasa, dosa terasa ringan dan amanah akan diabaikan. Ingatlah pesanan Rasulullah *صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ*:

لَا إِيمَانَ لِمَنْ لَا أَمَانَةَ لَهُ، وَلَا دِينَ لِمَنْ لَا عَهْدَ لَهُ

Maksudnya: *“Tidak sempurna iman bagi orang yang tidak amanah, dan tidak sempurna agama bagi orang yang tidak menepati janji.”*

(Hadis Riwayat Imam Ahmad)

Marilah kita mulakan langkah dengan kesedaran dan usaha yang jitu. Seiring dengan sambutan Hari Pekerja pada tahun ini, ikhlaskan hati mengiringi setiap langkah dalam setiap pekerjaan. Biarlah setiap detik yang dihabiskan dalam tugas menjadi catatan ibadah, setiap titik peluh menjadi saksi, dan setiap usaha menjadi pahala yang mengalir tanpa henti di sisi Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sedarlah, kehidupan ini bukan sekadar memburu pendapatan, tetapi memburu keberkatan dan keredaan Ilahi. Sebagai kesimpulan khutbah hari ini, mimbar menggariskan empat perkara utama sebagai panduan semua jemaah, iaitu:

Pertama: Niat kerana Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Mulakan dengan niat yang betul kerana kerja adalah ibadah. Penat lelah menjadi pahala, bukan sekadar ganjaran wang semata-mata.

Kedua: Jaga amanah dan integriti. Jauhi sikap curi tulang dan khianat serta pastikan setiap sen yang diperolehi menjadi rezeki yang halal dan berkat.

Ketiga: Budaya kerja cemerlang. Jadilah pekerja yang mahir dan berakhlak mulia demi mengangkat martabat diri serta umat Islam.

Keempat: Keadilan bersama. Majikan tidak boleh menzalimi pekerja dan pekerja pula melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi kerana keharmonian dan keberkatan lahir daripada sikap jujur kedua-dua pihak.

Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam Surah al-Jumuah ayat 10:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِن فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا

لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya: “Maka apabila solat telah selesai didirikan, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-

masing), carilah kurniaan Allah dan ingatlah Allah sebanyak-banyaknya agar kamu berjaya (di dunia dan di akhirat) ”.

بَارِكِ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا،
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2026M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجٍ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2021 yang bersidang pada 30 November 2021 memutuskan bahawa penggunaan tangkal, azimat dan seumpamanya selain daripada ayat al-Quran bagi tujuan pendinding atau pelaris perniagaan adalah haram kerana boleh menjejaskan akidah serta membuka pintu kesyirikan.

Manakala penggunaan tangkal yang mengandungi ayat-ayat al-Quran, zikir dan doa adalah harus dengan syarat diyakini bahawa segala manfaat dan mudarat hanyalah dengan izin Allah SWT, kandungannya ditulis dengan jelas serta difahami, dipelihara kesuciannya dan tidak diletakkan di tempat yang boleh mencemarkannya, serta tidak dijadikan sandaran utama mengatasi amalan sunnah seperti bersedekah dan beribadah.

Demikian juga penggunaan gambar tokoh sebagai pendinding atau pelaris adalah haram kerana mengandungi unsur pengagungan yang dilarang, namun diharuskan sekiranya sekadar untuk mengenang jasa dan sumbangan tokoh tersebut.

قَالَ اللهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَوَلَايَةً فُؤَلَاوِ فَيَنْبَغِ آمِنًا مُطْمَئِنًّا سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib,
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato'
Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

“Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang;
Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan
solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan
melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta
berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri
Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-
ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ
عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG